

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>JABATAN PERDANA MENTERI</b> <b>UNIT ARKIB</b>				
1	Projek Digitisation	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghindari daripada kehilangan maklumat rekod-rekod kerajaan yang terdahulu melalui degradasi semula jadi dan kerosakan akibat serangga dan binatang perosak seperti semut, lipas, anai-anai, gegat, book lice, silver fish, dan tikus ke atas kerja-kerja yang menyimpan maklumat tersebut</li> <li>• Mengurangkan peminjaman dan penggunaan rekod-rekod lama yang dalam keadaan fizikal yang rapuh dan pudar yang boleh mengakibatkan kerosakan lanjut</li> <li>• Sebagai jaminan salinan rekod-rekod lama boleh didapati sekiranya terjadi kecurian, rompakan, tindakan sabotaj, keakaran, terkena limpahan atau kebocoran air</li> <li>• Memudahkan pencarian maklumat rekod-rekod lama secara bentuk digital</li> </ul>	Projek ini adalah salah satu usaha Unit Arkib untuk mengekalkan dan menyimpan sebahagian rekod-rekod kerajaan secara <i>digitisation</i> dan bersistematis supaya kesinambungan perjalanan sejarah dasar-dasar kerajaan dan nilai warisan rekod-rekod lama dapat dipelihara dengan sebaiknya.
<b>JABATAN AUDIT</b>				
2	Rancangan Strategik Jabatan Audit 2019-2024	Dasar	Pelaksanaan Rancangan Strategik yang berkesan akan membawa Jabatan Audit mencapai visinya selaku Institusi Pengauditan Negara Yang Berkualiti Tinggi dan Disegani yang menjurus kepada satu daripada tiga matlamat strategik Wawasan Negara 2035 yang telah digariskan iaitu Kehidupan Rakyat Yang Berkualiti Tinggi.	Jabatan Audit telah merangka Rancangan Strategik (RS) bagi tahun 2019-2024, sebagai kesinambungan kepada Rancangan Strategik 2013-2018 iaitu bagi mempersiapkan Jabatan Audit untuk lebih dinamik dan berkembang maju ke arah menghadapi masa depan yang semakin mencabar.
3	Projek Pemantauan ke atas Susulan Laporan Audit Kurang Efisen	Struktur Organisasi	Untuk memastikan pemantauan susulan Laporan Audit yang lebih cekap dan berkesan bagi mengelakkkan permasalahan ini berulang setiap tahun di samping memupuk budaya kerja yang cekap dan professional	Susulan laporan audit merujuk kepada hasil daripada pengauditan yang dijalankan oleh Pasukan Audit ke atas sesebuah agensi kerajaan yang dilaporkan sepanjang tahun kewangan 2016/2017 dan dikeluarkan oleh lima(5) sektor pengauditan di Jabatan Audit yang mana sepatutnya dikeluarkan susulan oleh Juruaudit dan Juruaudit Kanan dalam tempoh satu bulan daripada tarikh laporan dikeluarkan.  Pemantauan kurang efisen dimana dari 68 laporan yang dikeluarkan di kesemua sektor bagi Tahun Kewangan 2016/2017, hanya 21 (31%) laporan dikeluarkan susulan, manakala 47 (69%) laporan tidak disusul berikutkan ketiadaan sistem pemantauan yang teratur/sistematis disebabkan oleh ketiadaan jadual pamantauan yang konsisten.
4	Projek Pembaikan: Proses Pentadbiran yang Kurang Cekap	Struktur Organisasi	Untuk menjadikan proses kerja pentadbiran yang lebih cekap dan bersistematis	Tujuh (7) proses permohonan yang tidak dilaksanakan dengan efisien seperti Cuti Mandatori, Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS), Cuti Sakit Klinik Swasta (MC), Elaun Tambang 4 Tahun, Kenaikan Gaji Sekatan Kecekapan (EB Sekat), Kenaikan Gaji EB Sekat dan Kenaikan Gaji Tahunan kerana masih dilakukan secara berasangan. Kesemua proses tersebut

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019**  
**DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				telah disatukan untuk memudahkan dan mempercepatkan proses permohonan dalam masa yang ditetapkan dengan menggunakan teknologi IT melalui sistem pangkalan data yang mampu mengeluarkan peringatan secara automatik ( <i>automated processing / alert system</i> )
<b>BIRO MENCEGAH RASUAH</b>				
5	Bengkel Integriti dan Pencegahan Rasuah	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi pengetahuan dan pemahaman mengenai integriti dan pencegahan rasuah dalam tugas peserta bengkel dan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan integriti didalam organisasi</li> <li>Meningkatkan kemahiran mengenai cara-cara menangani, menghindari dan mengambil tindakan yang bersesuaian mengatasi masalah rasuah</li> </ul>	Inisiatif baharu dalam meningkatkan kesedaran gejala rasuah melalui perbincangan secara positif bersama peserta bengkel mengenai integriti dan bagaimana mencegah rasuah di jabatan atau organisasi peserta bengkel
<b>INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM</b>				
6	Intranet Portal IPA	Struktur Organisasi	Pembangunan intranet portal ( <i>sharepoint</i> ) IPA adalah bagi meningkatkan kualiti kerja dan perkhidmatan di samping kemudahan mengakses maklumat yang dimuatnaik ke portal berkenaan. Proses pembangunan intranet dipohonkan ke Bahagian ITEG, Jabatan Perdana Menteri.	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu memantau sebarang tindakan terutamanya e-minit dan lain-lain</li> <li>Memudahkan proses kerja untuk lebih efisien dan efektif yang mana, maklumat yang dimuatnaik ke dalam intranet boleh diakses dengan mudah oleh pegawai dan kakitangan</li> <li>Mengurangkan penggunaan kertas</li> <li>Meningkatkan kualiti kerja dan perkhidmatan yang produktif dan berkesan</li> </ul>
7	Penstrukturran Semula Organisasi	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Penstrukturran semula organisasi khususnya, LND dan RPD seperti yang termaktub di dalam Perancangan Strategik Institut Perkhidmatan Awam (<i>SPIPA</i>) 2017 – 2020 bagi mendokong Institusi ini untuk menjadi sebuah Pusat Kecemerlangan dalam Pembangunan Sumber Manusia dan Organisasi</li> <li>Memperkesan lagi peranan Institut ini dalam menangani perubahan-perubahan dinamik serta cabaran-cabaran semasa</li> <li>Penempatan semula pegawai dan kakitangan LND bagi memastikan keperluan <i>Subject Matter Expert</i> tenaga pengajar dapat ditangani sejajar dengan keperluan ‘Market Trend’ setara dengan institusi-institusi serantau</li> <li>Penstrukturran bagi CAD juga dilaksanakan bagi memastikan pegawai dan kakitangan yang ditempatkan adalah selaras dengan tugas dan tanggungjawab masing-masing dalam mendokong aktiviti LND bukan hanya dari segi infrastruktur tetapi penyediaan kemudahan-kemudahan lain e.g. platform pembelajaran (<i>iLearn</i>)</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Struktur Bahagian Latihan dan Perkembangan (TND) sebelum ini terbahagi kepada 4 Pusat iaitu Pusat bagi Pembangunan Eksekutif, Pusat bagi Pembangunan Pengurusan, Pusat Perkembangan Inovasi dan Organisasi dan Pusat Penilaian. Penstrukturran semula melibatkan perubahan kepada nama bahagian dan pusat kepada Bahagian Pembelajaran dan Pembangunan (LND) yang terbahagi kepada Kluster Pengurusan Pembelajaran (LMC), Kluster Penganalisaan dan Penilaian (AEC), dan Kluster Pembangunan Kapabiliti (CDC) mempunyai tiga kluster-sub iaitu Urustadbir dan Dasar (GPC), Kepimpinan Strategik (SLC) dan Pembangunan Organisasi dan Inovasi (ODIC)</li> <li>Struktur Bahagian Hal Ehwal Korporat (CAD) pula diberi nama baru iaitu Pejabat Hal Ehwal Korporat (OCA) manakala Bahagian Perancangan dan Pembangunan Strategi (SPADD) ditukar kepada Bahagian Penyelidikan dan Perancangan (RPD)</li> </ul>

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
8	Talent Retention	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan semangat kerja serta sikap positif dan profesionalisma dalam melaksanakan tugas di samping memberikan penghargaan (recognition) di atas sumbangan yang diberikan sepanjang perkhidmatan</li> <li>• Memastikan pulangan yang tinggi (ROI) daripada pelaburan yang banyak ke atas pegawai profesional IPA dari segi kewangan dan masa (latihan yang diberikan)</li> <li>• Mengurangkan perbelanjaan Kerajaan bagi mencari tenaga pengajar untuk menyampaikan kursus di dalam mahupun luar IPA memandangkan ianya boleh dilaksanakan oleh tenaga profesional IPA sahaja</li> </ul>	<p>Inisiatif bagi Talent Retention yang dilaksanakan oleh IPA adalah seperti berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Skim Perkhidmatan Profesional IPA</li> <li>• Anugerah Cemerlang IPA (Bahagian III, IV dan V sahaja)</li> <li>• Pembangunan Tenaga Profesional (Professional Development )</li> </ul>
9	Penjenamaan & Penstrukturkan Semula SPADD menjadi Bahagian Penyelidikan dan Perancangan (RPD)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendokong matlamat strategik #3 : IPA menjadi Institusi Latihan yang berdasarkan penyelidikan</li> <li>• Menghasilkan strategi dan inisiatif yang mantap dan mampan melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pensejajaran program serta aktiviti pembelajaran dan perkembangan serta penyelidikan dengan keperluan Perkhidmatan Awam;</li> <li>- Mengenalpasti jurang kemahiran modal insan, perkembangan organisasi dan kaedah-kaedah pembelajaran masakini dan di masa akan datang melalui penyelidikan;</li> <li>- Penggunaan sumber dengan lebih efektif/berkesan melalui penetapan keutamaan (<i>priority-setting</i>) mengikut agenda nasional serta perkhidmatan awam khususnya.</li> </ul> </li> <li>• Bergerak sejajar dengan perkembangan pembangunan modal insan dan organisasi di arena domestik dan global.</li> <li>• Menyokong pembuatan keputusan berdasarkan fakta</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Projek penjenamaan &amp; penstrukturkan semula Bahagian Perancangan &amp; Pembangunan Strategi (SPADD - Strategy Planning &amp; Development Division) menjadi Bahagian Penyelidikan &amp; Perancangan (RPD - Research and Planning Division ) adalah untuk mendokong beberapa faktor: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengiktirafan kepentingan peranan penyelidikan;</li> <li>- Membuat persediaan untuk menjadi Pusat Kecemerlangan;</li> <li>- Keperluan untuk menjadi sentiasa relevan;</li> <li>- Memperoleh kelebihan daya saing; dan</li> <li>- Menjadi peneraju di dalam arena HR.</li> </ul> </li> </ul>
10	HROD Roundtable	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan pengetahuan pegawai-pegawai mengenai peranan OD dalam pencapaian visi dan matlamat strategik organisasi</li> <li>• Mengukuhkan peranan HRD dan peralihan (<i>repositioning</i>) peranan HRD dalam OD kepada yang lebih strategik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program ini dikendalikan setelah mengambil kira keperluan perkhidmatan awam dalam mengukuhkan lagi Organisation Development (OD) melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pebaikan produktiviti;</li> <li>- Memperkasa pembangunan sumber manusia (<i>human resource development</i>) dan pembelajaran organisasi; dan</li> <li>- Mewujudkan budaya inovasi dan kreativiti.</li> </ul> </li> <li>• Skop tajuk yang dibentangkan semasa roundtable adalah seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>- Governance from Islamic Perspective;</li> <li>- Peranan OD dalam pengurusan prestasi; dan</li> <li>- Pembelajaran Organisasi</li> </ul> </li> <li>• Human Resource Organisational Development (HROD) 2020 &amp; Beyond</li> </ul>

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
11	Program Pensijilan Perkeranian	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melengkapkan kerani yang baru berkhidmat dalam 2 tahun dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran asas untuk menjalankan tugas-tugas sehari-hari</li> <li>• Menyediakan penilaian (assessment) bagi memastikan kerani baru berkhidmat mahir dalam menjalankan tugas-tugas yang diberikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kursus Perkeranian yang dianjurkan IPA sebelum ini hanya menyampaikan maklumat dan kemahiran asas sahaja. Sepanjang kerjaya jawatan kerani berkenaan perlu adanya pembelajaran dan pembangunan yang teratur bagi memastikan seorang kerani mahir serta bersedia menjawat jawatan seterusnya apabila layak.</li> <li>• Ke arah ini, pihak JPA telah berbincang dan merancang dengan GPC dalam menyediakan Program Pensijilan Perkeranian di dua peringkat sahaja iaitu Asas dan Lanjutan. Kedua peringkat ini dicadangkan dikendalikan dalam lingkungan 7 tahun kerjaya seorang kerani iaitu 3 tahun bagi peringkat Asas dan 4 tahun bagi peringkat Lanjutan.</li> <li>• Selepas perbincangan dengan pihak JPA pada 18 Oktober 2017, dipersetujui Program Pensijilan ini dimulakan di peringkat Asas bagi 60 kerani-kerani yang baru berkhidmat dua tahun kebelakangan (2016 ke atas) sebelum mengendalikan di peringkat seterusnya.</li> <li>• Program Pensijilan ini bermula pada Tahun Kewangan 2018/2019 dan dikendalikan secara berterusan</li> </ul>
12	Pemusatan Pengurusan Pembelajaran dan Pembangunan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mempastikan seluruh warga LMC memahami akan peranan utama LMC dalam mendokong visi, misi serta halatuju IPA</li> <li>• Mewujudkan persekitaran kerja serta workflow yang lebih terarah, bersistematis dan teratur</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Sejak 01 Ogos 2018, IPA telah memulakan inisiatif penstrukturkan semula organisasi dengan tujuan mewujudkan serta memperkesan proses aliran kerja dengan mengemaskini Tugas &amp; Tanggungjawab (TTJ) yang mampu memenuhi kehendak pihak berkepentingan melalui pencapaian Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR). <ul style="list-style-type: none"> <li>- Mengemaskini dan mewujudkan 'chain of command' yang betul untuk diperaktikkan oleh Pegawai &amp; Kakitangan</li> <li>- Mengemaskini tugas dan tanggungjawab Pegawai &amp; Kakitangan yang bersistematis</li> <li>- Membangun kapasiti dan kapabiliti Pegawai &amp; Kakitangan LMC dan melahirkan staf yang mandiri serta multi-task</li> </ul> </li> </ul>
13	Rangkakerja Kompetensi Tenaga Pengajar (Trainers' Competency Framework )	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mewujudkan kumpulan Tugas (job group) yang lebih teratur serta terarah</li> <li>• Menetapkan set-set kompetensi yang diperlukan mengikut jawatan dan tahap</li> <li>• Menutup/merapatkan jurang kompetensi (competency gap analysis )</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Dalam usaha meningkatkan serta menyelesa kompetensi tenaga pengajar IPA, rangkakerja kompetensi telah dibangunkan (<i>developed</i>). Rangkakerja kompetensi tenaga pengajar IPA ini bakal mewujudkan tenaga pengajar yang profesional mempunyai kompetensi sesuai dengan tugas dan tanggungjawab serta melahirkan Subject Matter Experts (SME) selaras dengan Peta Pembangunan Profesional Staf IPA.</li> <li>• Rangkakerja ini merupakan satu alat pengukur jurang serta bidang yang perlu penambahbaikan.</li> </ul>

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
14	Women In Leadership (WIL)	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membangun keperibadian sejajar dengan dan menyokong jenama kepimpinan dan hala tuju kerjaya</li> <li>• Mempengaruhi yang lain dengan pilihan yang dibuat</li> <li>• Mengemudi perhubungan yang kompleks</li> <li>• Membina dan memanfaatkan rangkaian</li> <li>• Melaksanakan strategi kepimpinan tersendiri</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program WIL merupakan program planner IPA yang dipertingkatkan (<i>enhanced</i>) isi kandungannya, kaedah pembelajaran (<i>flipped classroom</i> dan <i>experiential</i>) dan juga pelaksanaannya dari tiga hari (<i>strictly classroom-training</i>) kepada lima fasa. Fasa-fasa memberi peluang para peserta untuk <i>self-assessment</i>, belajar, mengaplikasi pembelajaran ke tempat kerja dan penggayaan pengetahuan secara berterusan. Fasa terakhir program akan antara lain melibatkan pelaksanaan penilaian tahap ketiga (<i>3rd Level Evaluation</i>) ke atas peserta bagi mengetahui keberkesanannya.</li> <li>• Peningkatan program pembelajaran khusus untuk peserta wanita ini terbit dari perubahan demografik tenaga kerja yang semakin banyak menonjolkan kejayaan wanita menjawat jawatan pegawai kerajaan. Program akan memberikan peserta <i>insights</i> yang diperlukan dalam membuat pilihan mengembangkan impak peserta kepada organisasi. Mereka akan dibimbing berpanduan idea kontemporari mengenai kepimpinan, perancangan kerjaya, perundingan dan pengurusan dan digalakkan untuk memupuk pemahaman yang tinggi mengenai diri mereka dan impak mereka terhadap orang lain. Peserta akan meneroka <i>trade-offs</i> yang mereka hadapi untuk mengimbangi kehidupan peribadi dan profesional.</li> <li>• Program akan melengkapkan mereka dengan kemahiran dan pengetahuan serta sokongan yang diperlukan agar dapat menyumbang nilai tambah dalam melaksanakan peranan mereka sebagai pemimpin korporat dengan yakin. Program ini memberi tumpuan kepada keperluan dan keupayaan khusus wanita untuk mengatasi halangan yang wujud di tempat kerja yang mungkin menjasakan pertumbuhan profesional.</li> </ul>
15	Pengukuhan Program Eksekutif Muda (YEP)	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi kefahaman mengenai dasar dan prosedur kerajaan, sistem pentadbiran dan adat kebangsaan</li> <li>• Memberi insight tentang peranan mereka sebagai pemimpin dan fasilitator dalam menegakkan dasar pembangunan negara</li> <li>• Melengkapkan peserta dengan pengurusan diri, keberkesanannya, kerja berpasukan dan kemahiran organisasi berdasarkan kepimpinan dan alat pengurusan</li> <li>• Memberi pendedahan kepada amalan terbaik dan budaya kecemerlangan kerja sama ada dalam sektor awam atau swasta</li> <li>• Menggalakkan kesedaran dan membina sikap positif melalui pendedahan kepada projek komuniti.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Young Executive Program (YEP) adalah salah satu daripada siri program-program yang diperkenalkan di bawah sub-inisiatif Si2 &amp; Si3 Rangka Kerja Perkhidmatan Awam, bertujuan untuk membentuk, membangun dan menguruskan pemimpin-pemimpin yang berkarsma, berkeupayaan dan berkualiti dengan nilai-nilai yang tinggi dan tingkah laku yang positif, yang mana mampu memberikan hasil yang diingini dan meningkatkan prestasi organisasi. YEP disasarkan pada pegawai-pegawai yang baru berkhidmat kurang daripada dua tahun.</li> <li>• Program ini diharatkkan dapat memperkasakan keupayaan bakal-bakal pemimpin sebagai salah satu jentera</li> </ul>

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>pentadbiran dalam sektor awam dan penjana kepada perkhidmatan yang unggul dan memenuhi keperluan awam yang dinamik dan sentiasa berubah-ubah.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program ini menggabungkan beberapa pendekatan dan kaedah pembelajaran dalam memastikan keberkesanan penyampaian, penerimaan peserta program dan dalam masa yang sama memasukkan elemen penilaian baik dari segi isi kandungannya dan pembelajaran peserta. Sokongan dari pihak-pihak yang berkepentingan terutama JPM, JPA dan agensi-agensi kerajaan adalah kritikal bagi kejayaan dan keberkesanan program ini.</li> <li>• YEP diperkuuh dengan pertambahan sesi teambonding sebelum program dimulakan yang mana dapat meningkatkan keserasian di antara peserta-peserta YEP di sepanjang program.</li> </ul>
16	Penilaian Tahap Ketiga (3rd Level Evaluation) - Aplikasi Pembelajaran Ke Tempat Kerja	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengukur sejauh mana keyakinan, keupayaan dan komitmen peserta untuk menerapkan pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi selepas tamat proses L&amp;D ke tempat kerja (dalam tempoh 6 bulan selepas tamat program) melalui proses kajiselidik dan sesi interview yang melibatkan peserta dan juga Ketua / Penyelia masing-masing;</li> <li>• Mengukur sejauh mana penerapan pengetahuan dan kemahiran atau pembaharuan-pembaharuan dapat dilaksanakan di Kementerian/ Jabatan;</li> <li>• Mengenalpasti faktor-faktor yang mendokong dan menghalang pembaharuan-pembaharuan dapat dilaksanakan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penstruktur baru Bahagian Pembelajaran dan Pembangunan pada Ogos 2018 melibatkan beberapa perubahan termasuk pembentukan Kluster Penganalisaan dan Penilaian (<i>Analysis and Evaluation Cluster, AEC</i>) bagi menggunakan Assessment Center (AC) yang lama. AEC berfungsi bagi mencapai empat (4) inisiatif, iaitu : 1. Analisa Keperluan L&amp;D, 2. Menilai Keberkesanan Penyampaian Pembelajaran dan 3. Pernatuhuan kepada Amalan-amalan Terbaik, dan 4. Kajiselidik dalam Bidang Fokus.</li> <li>• Keberkesanan penyampaian perkhidmatan Pembelajaran dan Pembangunan (<i>Learning and Development, L&amp;D</i>) bagi Warga Perkhidmatan Awam dikendalikan melalui tiga (3) tahap penilaian iaitu: Penilaian Tahap 1: Kepuasan peserta, Penilaian Tahap 2: <i>Learning Gain</i> dan Penilaian Tahap 3: Mengaplikasi L&amp;D di tempat kerja atau perubahan perilaku.</li> <li>• Penganalisaan Penilaian Tahap Ketiga (3rd Level Evaluation) telah dijalankan ke atas Young Executive Program (YEP), Kohort 4/ Tahun 2019 yang berjalan selama enam (6) bulan mulai April hingga Oktober 2019. Penilaian ini akan melibatkan peserta dan Ketua / Penyelia dari Kementerian / Jabatan-jabatan dan menggunakan alat-alat seperti Kontrak Pembelajaran, Borang Penilaian dan kaedah Interview sebelum dan enam (6) bulan setelah tamat program.</li> </ul>

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
17	Pengauditan Pelaksanaan Program Pembelajaran dan Pembangunan Institut Perkhidmatan Awam 2019 - 2020	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menilai / memeriksa prestasi dan kualiti program L&amp;D di semua peringkat yang dirancang dan dilaksanakan dari segi impak</li> <li>• Menilai / memeriksa prestasi dan kualiti kandungan L&amp;D adalah komprehensif atau menepati objektif / sasaran tertentu</li> <li>• Menilai / memeriksa kecekapan dan keberkesanannya program L&amp;D melalui penandaarasan dengan amalan-amalan terbaik yang ditetapkan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penstruktur baru Bahagian Pembelajaran dan Pembangunan pada Ogos 2018 melibatkan beberapa perubahan termasuk pembentukan Kluster Penganalisaan dan Penilaian (<i>Analysis and Evaluation Cluster, AEC</i>) bagi menggantikan Assessment Center (AC) yang lama. AEC berfungsi bagi mencapai empat (4) inisiatif, iaitu : 1. Analisa Keperluan L&amp;D, 2. Menilai Keberkesanannya Penyampaian Pembelajaran dan 3. Pematuhan kepada Amalan-amalan Terbaik, dan 4. Kajiselidik dalam Bidang Fokus</li> <li>• Keberkesanannya penyampaian perkhidmatan Pembelajaran dan Pembangunan (<i>Learning and Development, L&amp;D</i>) bagi Warga Perkhidmatan Awam dinilai dari kecekapan dan keberkesanannya (kualitatif dan kuantitatif) pihak Institut dalam proses-proses dan pelaksanaan program L&amp;D yang bertujuan membawa kepada apa jua penambahbaikan serta mematuhi amalan-amalan terbaik L&amp;D</li> </ul>
18	Mengendali Penganalisaan Keperluan Pembelajaran bagi Perkhidmatan Awam ( <i>Learning Needs Analysis</i> )	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengenalpasti isu-isu organisasi dan individu dan agensi dalam pembangunan individu dan organisasi</li> <li>• Menganalisa keperluan pembangunan dan pembelajaran (<i>Learning and Development Needs</i>) dari kementerian dan jabatan-jabatan di bawahnya ( Jumlah permintaan / penyertaan, Cadangan program-program pembelajaran (tambahan), Isu-isu berkaitan latihan dalam kementerian dan jabatan, dan Program pembelajaran bagi Bahagian III, IV dan V)</li> <li>• Merumuskan hasil keperluan pembelajaran individu dan organisasi kepada Kluster Pembangunan Kapabiliti (<i>Capability Development</i>) dalam penggubalan, penstruktur dan pembaharuan bagi kandungan, <i>learning strategies and approaches program</i></li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Penstruktur baru Bahagian Pembelajaran dan Pembangunan pada Ogos 2018 melibatkan beberapa perubahan termasuk pembentukan Kluster Penganalisaan dan Penilaian (<i>Analysis and Evaluation Cluster, AEC</i>) bagi menggantikan Assessment Center (AC) yang lama. AEC berfungsi bagi mencapai empat (4) inisiatif, iaitu : 1. Analisa Keperluan L&amp;D, 2. Menilai Keberkesanannya Penyampaian Pembelajaran dan 3. Pematuhan kepada Amalan-amalan Terbaik, dan 4. Kajiselidik dalam Bidang Fokus</li> <li>• Penganalisaan keperluan pembelajaran dan pembangunan dikendalikan menggunakan pendekatan Perkhidmatan Awam bersama dengan HRD Ambassadors (HRDAs) melalui empat (4) fasa: Kajiselidik Online (23 Oktober 2018), Engagement Sessions (8 November 2018 – 28 Januari 2019), Sesi-Sesi Konsultasi (Disember 2018) dan Situational Analysis (November 2018)</li> </ul>
JABATAN PERKHIDMATAN PENGURUSAN				
19	Garis panduan Pendekatan Awam	Dasar	<p>Garis panduan ini adalah bertujuan untuk:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Menjadi rujukan dan panduan agensi-agensi kerajaan yang ingin melaksanakan sebarang aktiviti Pendekatan Awam;</li> <li>2. Membantu agensi-agensi kerajaan mengenalpasti teknik atau kaedah Pendekatan Awam yang sesuai bagi mencapai objektif yang diharatkannya daripada aktiviti tersebut;</li> <li>3. Membolehkan agensi-agensi kerajaan melaksanakan Pendekatan Awam dengan cara yang betul demi mempertingkatkan hubungan antara agensi-agensi kerajaan dengan orang ramai.</li> </ol>	<p>Pendekatan Awam Secara Kerap (<i>Regular Public Engagement</i>) pada asalnya merupakan salah satu inisiatif di bawah Rangka Kerja Perkhidmatan Awam (<i>Civil Service Framework</i>) bagi membantu agensi kerajaan menangani cabaran di segi sosial dan ekonomi dan meningkatkan penglibatan orang ramai dalam pelaksanaan apa jua dasar / peraturan / program / projek yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan.</p> <p>Pelaksanaan Pendekatan Awam (<i>Public Engagement</i>) oleh Agensi-agensi Kerajaan telah dikuatkuasakan melalui Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri Bil 06/2018. Bersama ini, satu garispanduan juga telah dihasilkan sebagai rujukan dan panduan agensi dalam</p>

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>JABATAN PERCETAKAN KERAJAAN</b>				
20	Sistem Pengurusan Percetakan	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Merekodkan data-data tempahan percetakan, kutipan hasil, produk-produk jualan, inventori bahan-bahan percetakan dan pemeliharaan mesin-mesin dengan tepat, lengkap dan terkini</li> <li>• Menyediakan laporan-laporan yang dapat digunakan untuk membuat keputusan, perancangan dan pengawalan</li> <li>• Mempercepatkan proses logistik dan memudahkan pemantauan terhadap status tempahan pelanggan, peredaran <i>work in progress</i>, stok jualan, inventori bahan percetakan dan pemeliharaan mesin</li> <li>• Mengongsikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan percetakan secara <i>online</i> di kalangan pegawai dan kakitangan di bahagian-bahagian yang terlibat dalam proses percetakan</li> <li>• Mengelakkan rekod yang bertindih dan kerja yang berulang-ulang (<i>duplication of work</i>)</li> <li>• Menjimatkan perbelanjaan (mengurangkan penggunaan kertas), masa dan tenaga kerja.</li> </ul>	<p>Projek ini dilaksanakan untuk mengatasi masalah-masalah yang berkaitan dengan pengumpulan data dan penyediaan laporan kerja-kerja percetakan seperti masalah keterangan tempahan percetakan yang tidak betul, kesukaran dalam mengetahui status penyiapan produk cetakan, masalah kelambatan dalam menambah stok bahan-bahan percetakan, ketiadaan sistem pemantauan terhadap status pemeliharaan mesin-mesin yang rosak dan kesukaran dalam menyediakan statistik percetakan.</p> <p>Oleh itu, satu sistem maklumat / pangkalan data yang digunasama oleh bahagian-bahagian terlibat dalam proses kerja percetakan diperluaskan bertujuan bukan sahaja bagi merekodkan keterangan-keterangan tempahan, tetapi juga untuk mempercepatkan proses bekerja dan mengurangkan pembaziran. Sistem maklumat juga diperlukan bagi menyediakan laporan-laporan terkini yang dapat digunakan untuk tujuan pemantauan, perancangan, pengawalan dan membuat keputusan.</p>
<b>JABATAN PERKHIDMATAN AWAM</b>				
21	Penelitian Peraturan-Peraturan Berkaitan Dengan Pengendalian Pegawai-Pegawai Kontrak	Dasar	Menyerahkan pengendalian dan pengurusan pemeriksaan kesihatan ( <i>medical fitness</i> ), visa, tiket penerbangan dan tempat tinggal sementara bagi Pegawai Kontrak Asing kepada Jabatan / Kementerian terlibat agar Unit Kontrak, BKPL dapat lebih fokus kepada pengendalian dan pemprosesan pentadbiran dan pengurusan hal ehwal pegawai-pegawai kontrak asing sahaja.	Penyerahan proses mendatangkan Pegawai Kontrak Asing yang baru dilantik ke Negara Brunei Darussalam kepada Jabatan / Kementerian mengambil Pegawai Kontrak Asing termasuk pengurusan pentadbiran yang berkaitan dengan hal ehwal kontrak ( <i>permohonan tambang datang, pertengahan dan balik, pengiraan cuti kontrak, pembayaran baksis dan lain-lain kemudahan yang layak diberikan</i> ).
22	Perlaksanaan Promosi Perkhidmatan Kaunseling ( <i>Counseling Service Promotion</i> ) (HK)	Pelakuan Organisasi	Meningkatkan penggunaan / permintaan perkhidmatan - perkhidmatan yang disediakan Bahagian Perkhidmatan Kaunseling. Perkhidmatan-Perkhidmatan yang masih <i>under-utilised</i> ialah permintaan kaunseling secara sukarela (persendirian).	Program ini bertujuan untuk memberi gakan perkhidmatan yang ditawarkan pihak Bahagian Perkhidmatan Kaunseling kepada kesemua pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan. Program ini adalah berterusan sepanjang tahun mengikut permintaan yang diterima. Setiap program yang dijalankan dijangkakan akan berlangsung setengah (1/2) hari bekerja.
23	Pengemaskinian Surat Perjanjian Latihan dalam Perkhidmatan	Dasar	Melaksanakan tindakan-tindakan bagi mengutip balik perbelanjaan daripada pegawai yang gagal dalam latihan dalam perkhidmatan.	Mengemaskini isi kandungan surat perjanjian.
24	Penelitian Semula Kemudahan-Kemudahan Perkhidmatan Pegawai Kontrak (Asing) Di Negara Brunei Darussalam (HL)	Dasar	Untuk memudahkan proses penghantaran balik barang-barang persendirian melalui kapal laut ( <i>Shipping</i> ) kepada Kementerian / Jabatan berkenaan.	Kemudahan perkhidmatan kontrak: Penyerahan proses penghantaran balik barang-barang persendirian melalui kapal laut ( <i>shipping</i> ) kepada Kementerian / Jabatan.

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
25	Pelan Pembangunan Sumber Manusia Jabatan Perkhidmatan Awam 2019 - 2020	Pelakuan Organisasi	Objektif program ini adalah bagi mensejajarkan pembangunan warga kerja JPA dengan pelan strategik JPA yang baru. Projek pelan pembangunan ini seterusnya memperkenalkan pendekatan baru dengan membangun profil / model keupayaan sebagai panduan untuk memproses pembangunan pekerja dan melaksanakan sebarang fungsi HR bagi menggantikan model kompetensi yang lama. Model ini akan mewujudkan pembangunan.	Program merupakan rancangan pembangunan kerja warga kerja JPA berpaduan kepada pelan strategik JPA. Ianya akan berjalan sepanjang tahun dengan memperkenalkan 4 program pembangunan utama dalam meningkatkan prestasi individu mahupun Bahagian dan seterusnya organisasi.
26	Projek Digitasi Rekod Warga Perkhidmatan Awam	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendokong kelancaran projek GHRMS bagi paparan dokumen yang diperlukan untuk sokongan dan sebagainya</li> <li>• Memperbaiki integriti data</li> <li>• Memberikan perkhidmatan yang lebih baik - masa pemprosesan yang lebih singkat dan berupaya memberikan maklumat pada masa diperlukan</li> <li>• Perkongsian secara serentak mengikut hak kawalan akses yang diberikan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menjalankan pengimbasan ke atas dokument-dokumen serta maklumat rekod warga Perkhidmatan Awam secara pusat, digital dan selamat, yang boleh digunasama oleh semua Bahagian / Unit di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)</li> <li>• Dibuat secara <i>in house</i> dimana 4 orang kakitangan telah dikhaskan untuk melaksanakan kerja-kerja pengimbasan, ianya dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pegawai / kakitangan JPA</li> </ul>
27	Mengenalpasti Impak dan Keberkesanan Dasar Cuti Sakit Disahkan Sendiri (CSDS)	Dasar	Mengenalpasti keberkesanan dasar dan peraturan CSDS yang dilaksanakan pada masa ini sama ada masih relevan atau sebaliknya dalam Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam.	Mengenalpasti impak dan keberkesanan CSDS jika ianya sudah mencapai tujuan sebenar dasar diperkenalkan.
RADIO TELEVISYEN BRUNEI				
28	Penggantian Peralatan Sistem Penerbitan Berita Elektronik (ENPS)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mengganti sistem perisian sedia ada yang sudah <i>obsolete</i> dan telah digunakan sejak 15 tahun lalu</li> <li>• Menggantikan sistem server yang <i>obsolete</i> dan tidak mempunyai perkhidmatan sokongan perisian sejak tahun 2013</li> <li>• Meningkatkan aliran kerja penerbitan berita yang lebih efisien dengan mengintegrasikan kerja-kerja penyuntingan video dengan kerja-kerja penerbitan</li> <li>• Menggunakan sistem perisian yang lebih mesra pengguna dan terkini yang membolehkan wartawan di luar stesen menghantar dan menyunting bahan berita melalui media sosial dan telefon atau peranti bimbitt</li> <li>• BHES akan dapat menghasilkan output penerbitan berita yang lebih teratur dan sempurna dengan penggunaan sistem yang lebih inovatif dengan mudah dan cepat</li> </ul>	Sistem Penerbitan Berita Elektronik (News Electronics Production System) adalah sistem penerbitan yang digunakan oleh Bahagian Berita dan Hal Ehwal Semasa (BHES) bagi mengumpulkan bahan berita secara bersepadu ( <i>integrated</i> ) / <i>online</i> untuk keperluan siaran berita. Sistem tersebut berperanan untuk menghasilkan dan mengumpulkan skrip berita terus dari agensi berita yang dilantik seperti Associated Press (AP) dan Reuters.
29	Karnival RTB	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberiakn perkembangan RTB melalui pameran seperti peranan dan fungsi RTB, perkhidmatan penyiaran TV digital dan media baharu, penggunaan teknologi terkini semasa penerbitan rancangan-rancangan siaran langsung dan rakaman.</li> <li>• Mempromosi rancangan-rancangan radio dan televisyen</li> <li>• Mendekati orang ramai dengan memberi peluang kepada mereka untuk menguji bakat</li> <li>• Menyokong dan memperkembangkan inisiatif-inisiatif industri kreatif</li> </ul>	Karnival RTB 2019 adalah platform untuk mendekati dan berinteraksi bersama masyarakat dalam merealisasikan salah satu peranan utama jabatan iaitu mengukuhkan perhubungan antara kerajaan dan rakyat. Disamping itu juga, karnival ini diadakan bagi mempromosikan perkhidmatan dan rancangan-rancangan TV dan radio, RTB.

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
30	Penyewaan Dewan Raya dan Set Pentas	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu meningkatkan hasil jabatan</li> </ul>	Dalam menyahut inisiatif jabatan untuk meningkatkan hasil, Jabatan Radio Televisyen Brunei telah membuka perkhidmatan penyewaan bagi penggunaan set pentas dan fasiliti seperti Dewan Raya dan studio bagi kegunaan orang ramai termasuk pengguna-pengguna dari kementerian, jabatan kerajaan dan sektor swasta.
31	Penubuhan Jawatankuasa HSSE	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Merangka, mengurus dan melaksanakan dasar keselamatan jabatan yang merangkumi Kesihatan (<i>Health</i>), Keselamatan (<i>Safety</i>) Kawalan (<i>Security</i>) dan Persekutaran (<i>Environment</i>)</li> <li>Menetapkan Manual Prosedur Kerja (MPK) Keselamatan untuk dilaksanakan secara meluas</li> <li>Menyediakan a conducive working environment untuk memupuk security culture and safety awareness di kalangan wargakerja di jabatan ini</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li><i>Health, Safety, Security and Environment</i> (HSSE) merupakan satu inisiatif yang diterapkan di setiap agensi sama ada sektor swasta maupun sektor kerajaan kerana kepentingannya dalam mengawal, mengatur dan memastikan perlaksanaannya dikendalikan secara teratur dan konsisten dengan piawaian yang ditetapkan</li> <li>Jabatan RTB selaku agensi kerajaan yang banyak terlibat secara langsung dalam bidang penyiaran program dan maklumat di negara ini perlu memenuhi Manual Operasi Standard HSSE bagi membolehkan tugas dan tanggungjawab yang dijalankan berjalan dengan selamat dan sempurna</li> <li>Ke arah itu, satu jawatankuasa pelaksana ditubuhkan untuk menangani yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan jabatan ini beserta agensi-agensi lain yang berkaitan yang secara langsung dapat menyumbang kepada kejayaannya nanti</li> </ul>
32	Sesi Pemberigaan Produk dan Perkhidmatan RTB	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi perkembangan produk dan perkhidmatan RTB</li> <li>Mengongsikan tatacara mendapatkan perkhidmatan RTB</li> <li>Mengeratkan jalinan kerjasama antara RTB dengan agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan entiti-entiti perniagaan</li> </ul>	Sesi Pemberigaan Produk dan Perkhidmatan adalah salah satu inisiatif berterusan Jabatan Radio Televisyen Brunei untuk memperkenalkan produk dan perkhidmatan terkini RTB, selain dari memberi penerangan tentang tatacara untuk mendapatkannya. Ianya juga memberikan ruang bagi percambahan fikiran ke arah meningkatkan lagi kualiti produk dan perkhidmatan RTB
33	Program Latihan dalam Jabatan dibuka kepada orang awam ( <i>Public Courses</i> )	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu meningkatkan hasil jabatan</li> <li>Meningkatkan talent pool dalam industri kreatif</li> <li>Meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman dalam bidang kejurucaraan, penerbitan dan penulisan bagi media elektronik</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam menyahut inisiatif jabatan untuk meningkatkan hasil, Pusat Perkembangan Penyiaran RTB telah membuka beberapa aktiviti latihan yang membolehkan penyertaan orang awam, pelajar institusi tinggi, pihak swasta dan agensi kerajaan mengikut kadar harga yang bersesuaian.</li> <li>Aktiviti-aktiviti latihan yang dibuka bagi orang awam ini adalah berpaduan penyertaan sebelumnya yang sangat memberangsangkan dan mempunyai keperluan / demand yang tinggi.</li> <li>Antara latihan yang dibuka ialah seperti Bengkel Jurucara Majlis, Bengkel Lakonan, Bengkel Penulisan Skrip Drama TV &amp; Radio</li> </ul>

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
34	Mobile Journalism (MoJo)	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Meningkatkan keberkesan dan penjimatan perbelanjaan operasi jabatan.</li> <li>Teknologi baru yang lebih kos efektif dan operasi yang lebih efisien.</li> <li>Sebagai langkah ke arah penyelaras dengan perkembangan teknologi penyiaran pada masa ini.</li> <li>Menyampaikan maklumat yang sahih dan betul dengan tepat dan cepat</li> </ul>	Penggunaan telefon pintar dalam melaporkan berita / maklumat atau lebih dikenali sebagai <i>Mobile Journalism (MOJO)</i> adalah salah satu kaedah inovasi digital yang digunakan oleh jabatan untuk merakam, menyunting dan menghasilkan foto, audio, video dan imej grafik dengan mendukung etika kewartawan. Setiap bahan / kandungan kreatif boleh dimuat naik segera ke laman web dan pelbagai platform media sosial bagi tujuan penyampaian maklumat. Kaedah pelaporan menerusi peranti mudah alih termasuk telefon pintar adalah mekanisme baharu yang digunakan di seluruh dunia. Bagi RTB, laporan Haji adalah antara liputan berita yang seringkali menggunakan kaedah MOJO.
35	Garispanduan dan Etika Pakaian Rampai Pagi	Dasar	<ul style="list-style-type: none"> <li>Sebagai panduan kepada tetamu program Rampai Pagi mengenai tatacara berpakaian yang bersesuaian selaras dengan konsep Melayu Islam Beraja dan etika penyiaran</li> <li>Mengawal penampilan tetamu program Rampai Pagi ketika bersiaran bagi menjaga imej jabatan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Salah satu pengisian bagi program Rampai Pagi adalah melibatkan wawancara bersama agensi kerajaan, sektor swasta, orang awam dan lain-lain.</li> <li>Setiap tetamu yang akan diwawancara hendaklah mematuhi peraturan-peraturan yang disediakan termasuklah menjaga keterampilan yang baik dan elok. Setiap tetamu akan dimaklumkan lebih awal tentang etika pakaian yang bersesuaian dan jika gagal mematuhi, krew penerbitan Rampai Pagi berhak untuk membatalkan sesi wawancara tersebut. Garispanduan dan Etika Pakaian Rampai pagi diwujudkan sebagai kemudahan panduan tetamu-tetamu sebelum menghadiri wawancara program Rampai Pagi.</li> </ul>
36	Kajian Kumpulan Fokus (Focus Group) bagi Program Rampai Pagi	Struktur Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mendapat maklumbalas dan pandangan penonton terhadap kandungan program Rampai Pagi</li> <li>Mengenalpasti kekuatan dan kelemahan program Rampai Pagi</li> <li>Mendapatkan cadangan bagi menambahbaik program Rampai Pagi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Program Rampai Pagi telah lama diterbitkan iaitu sejak tahun 1988 dan sudah setentunya citarasa penonton dahulu dan masa kini adalah berbeza. Kajian <i>focus group</i> bagi program ini dijalankan bagi mengetahui kekuatan/kelemahan program dan seterusnya membantu dalam memenuhi citarasa penonton.</li> <li>Kajian melibatkan 2 sesi iaitu sesi pratonton dan sesi perbincangan. Sesi pratonton mengambil masa 30 minit, manakala sesi perbincangan mengambil masa 45 minit ke 1 jam. Dua program bual bicara telah dipilih untuk dipertontonkan iaitu program Rampai Pagi terbitan Radio Televisyen Brunei (RTB) dan program Selamat Pagi Malaysia terbitan Radio Televisyen Malaysia (RTM). Kedua-dua rancangan ini adalah dari Stesen TV yang berbeza namun keduanya adalah stesen dibawah kawalan kerajaan.</li> <li>Hasil dapatan dari kajian ini dijadikan sebagai panduan kuarah penambahbaikan program Rampai Pagi.</li> </ul>

**SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019**  
**DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI**

	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
<b>PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI</b>				
37	Meningkatkan Kesedaran Orang Awam mengenai Jenayah Perdagangan	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Agar orang awam, pegawai-pegawai kerajaan lebih peka dan memahami modus operandi yang selalu digunakan pesalah bagi jenayah-jenayah perdagangan.</li> <li>Mengurangkan jenayah perdagangan termasuk wang palsu, jenayah siber, skim cepat kaya dan lain-lain</li> </ul>	Memberikan taklimat kepada pejabat-pejabat Kerajaan, kedai-kedai, stesen-stesen minyak, dan syarikat-syarikat telekomunikasi termasuk DST dan Telbru terutamanya mengenai jenayah siber dan wang palsu.
38	Program Pendekatan Bersama Orang-Orang Awam	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai dengan nilai kepentingan penjagaan tempat kejadian</li> <li>Menarik minat kanak-kanak mengenai dengan kerjaya sebagai penyiasat tempat kejadian</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memberi pengetahuan kepada orang-orang awam mengenai kepentingan tempat kejadian dan pemprosesan tempat kejadian</li> <li>Mengadakan aktiviti bagi kanak-kanak seperti Finger Print Dusting, Lifting dan cara membaca karakteristik cap jari</li> </ul>
39	Taklimat Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia dan Petunjuk-Petunjuk Pemerdagangan Manusia	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pengenalan Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM)</li> <li>Carta Organisasi USPM</li> <li>Perintah Pemerdagangan dan Penyeludupan Manusia, 2004</li> <li>Statistik 2015 - 2017</li> <li>Case Referral Process</li> <li>Case Study</li> <li>Petunjuk-Petunjuk Pemerdagangan Manusia</li> </ul>	Taklimat Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia dan Petunjuk-Petunjuk Pemerdagangan Manusia kepada Pegawai Siasatan Daerah, Pegawai Menguasa Balai, Pegawai serta Penolong Penyiasat dan Special Duties di empat daerah di Negara Brunei Darussalam.
40	Kursus Asas Penyiasatan (Hidupan Liar & Perhutanan)	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu Pasukan Polis Diraja Brunei dan Pegawai-pegawai Penguatuasa Undang-undang dalam meningkatkan keupayaan penyiasatan</li> <li>Memahami perlembagaan dan undang-undang negara</li> <li>Menghargai kuasa penyiasatan yang diberikan oleh undang-undang negara</li> <li>Menjalankan temuduga penyiasatan secara beretika</li> <li>Memproses pengurusan tempat kejadian dengan sistematis</li> <li>Mengenal pasti bukti-buktii yang diperlukan untuk melengkapkan kertas siasatan</li> <li>Meningkatkan pengetahuan dan kefahaman mengenai kepentingan dan nilai bahan bukti dan keperluan analisa forensik ke atas bahan bukti dalam membantu kejayaan penyiasatan</li> <li>Membentangkan kertas penyiasatan kepada Pejabat Peguam Negara</li> <li>Memastikan semua ahli-ahli penyiasat memahami prosedur tindakan tetap dalam menjalankan tugas-tugas mereka</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dikendalikan oleh Jabatan Siasatan Jenayah bertujuan untuk menyediakan Pegawai-pegawai Penguatuasa Undang-Undang dengan pengetahuan asas berkaitan siasatan kesalan Jenayah. Program ini direka khusus untuk meningkatkan kemahiran dalam bidang siasatan dan juga proses perlaksanaan undang-undang Negara Brunei Darussalam dan kuasa-kuasa penyiasatan yang diberikan kepada Pegawai-Pegawai Penguatuasa Undang-Undang di Pasukan Polis Diraja Brunei dan Agensi-Agenzi Kerajaan seperti Kementerian Kesihatan, Jabatan Perhutanan dan Bahagian Hidupan Liar</li> <li>Kursus ini juga akan meningkatkan kemahiran dalam membuat penilaian awal di tempat kejadian dan meningkatkan pengetahuan dalam tatacara pengurusan tempat kejadian jenayah. Ini bertujuan untuk memastikan mutu siasatan yang berkualiti tinggi dengan memastikan kesemua perbuatan dan tindak-tanduk yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk memastikan pengambilan bukti yang teratur, sistematis dan rapi untuk penggunaan di mahkamah</li> </ul>

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
41	Sesi Dialog Khas dan Taklimat Mengenai Pengendalian Eksibit Elektronik	Pelakuan Organisasi	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberikan kefahaman mengenai pengetahuan ICT termasuk peralatan-peralatan digital atau elektronik kepada setiap Pegawai Penguatkuasa Uama dan Pegawai Pendakwa Syarie</li> <li>• Mengetahui lebih dekat tatacara dalam melaksanakan pengumpulan barang-barang eksibit elektronik, cara-cara penyimpanan, penjagaan dan penghantaran barang-barang eksibit elektronik</li> <li>• Mengenal perlatalan digital atau eksibit elektronik yang perlu dirampas mengikut bentuk jenayah yang ditangani</li> </ul>	Sesi dialog khas dan taklimat berhubung pengendalian eksibit elektronik kepada pegawai-pegawai di Bahagian Penguatkuasa Ugama dan Pendakwaan Syarie.
42	Pelan Strategik Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita Dan Kanak-Kanak (USJPWKK) 2018 - 2019	Dasar	<p>Khusus untuk menangani peningkatan kes-kes keganasan rumah tangga dan kes-kes kesalahan seksual dengan pendekatan yang lebih holistik dan sistematik. Ia menggariskan beberapa strategi pencegahan dan pemberantasan yang melibatkan kerjasama antara agensi / jabatan berkepentingan dan dalaman seperti berikut:</p> <p>a) Mengadakan outreach program untuk meningkatkan tahap kesedaran di peringkat kumpulan sasaran iaitu; murid-murid sekolah rendah, menengah, teknikal, pengajian tinggi serta swasta, guru-guru, jabatan-jabatan kerajaan, pihak swasta dan orang ramai</p> <p>b) Memperkasa mangsa atau mana-mana saksi yang perhubungan langsung dengan mangsa termasuk guru, doktor, guru dan lain-lain untuk tampil melaporkan jenayah yang berlaku keatas mereka atau mana-mana orang yang terdekat dengan mereka. Selain itu, untuk memudahkanca orang ramai menyampaikan maklumat mengenai kejadian jenayah (ease of reporting)</p> <p>c) Meneliti semula keperluan USJPWKK dalam meningkatkan keupayaan, produktiviti dan keberkesanannya dalam menangani kes-kes yang dikendalikan</p> <p>d) Meningkatkan kerjasama antara jabatan / agensi yang berkepentingan dalam menangani kes-kes keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak.</p>	Peningkatan kes-kes yang disiasat oleh USJPWKK mencatat peningkatan yang ketara terutama sekali bagi kes kesalahan seksual dan penderaan kanak-kanak.
<b>JABATAN KEHAKIMAN NEGARA</b>				
43	Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan dan Penstrukturkan Semula Organisasi di Jabatan Mahkamah Sivil	Struktur Organisasi	Memastikan setiap Bahagian menyediakan Terms of Reference (TOR), Tekad Permedulian Orang Ramai (TPOR) dan Standard Operating Procedures (SOP) untuk menjalankan tugasnya mereka dengan fokus, teratur dan juga memastikan bahawa ketelusan dari segi kewangan.	Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Mahkamah Sivil telah dibuat pada bulan November 2018. Terdapat 12 jawatankuasa ditubuhkan iaitu Jawatankuasa Pelan Strategik, Jawatankuasa Pelan Penggantian, Jawatankuasa 'Practice, Procedures and Processes', Jawatankuasa Kerja 'Alternative Dispute Resolution', Jawatankuasa 'Ease of Doing Business', Jawatankuasa Kerja Skim Perkhidmatan, Jawatankuasa Kerja Pelan Sumber Manusia, Jawatankuasa Kerja IT dan JCMS, Jawatankuasa Kerja Website, Jawatankuasa Kerja Publisiti dan Penerbitan, Jawatankuasa Kerja Perpustakaan dan

SENARAI PRORAM / PROJEK PEMBAHARUAN DAN PENAMBAHBAIKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018 / 2019 DIBAWAH JABATAN PERDANA MENTERI				
	Tajuk Program / Projek	Fokus WPA 21	Objektif	Keterangan Ringkas Program / Projek
				<p>Jawatankuasa Kerta Aktiviti Keagamaan dan Sosial.</p> <p>Manakala terdapat 3 Unit baharu telah ditambah didalam struktur organisasi baru di jabatan ini, iaitu Unit Jurubahasa dan Jururakam Mahkamah, Perangkaan dan Pengumpulan Data serta Unit Hal Ehwal Korporat di bawah Mahkamah Besar.</p>